

**Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah
Seliaan JANM Negeri Sarawak**

Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PULANGAN BALIK HASIL

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 – Lampiran D : Garis Panduan Pulangan Balik Hasil yang berkuatkuasa pada **25 Jun 2019**.

3. Sehubungan dengan itu, semua **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di bawah seliaan JANM Negeri Sarawak bertanggungjawab untuk memastikan tindakan berikut dipatuhi:

- 3.1 PTJ bertanggungjawab memastikan pulangan balik hasil adalah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa [AP87(a), AP87(b) & AP88(a)], pulangan balik hasil belum pernah dituntut dan tidak berlaku bayaran dua kali;
- 3.2 Bagi **Pulangan Balik Hasil (Vot B11)**, pastikan permohonan pulangan balik hasil disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:-
 - (a) Borang Permohonan Pulangan Balik Hasil (B11) seperti di **Lampiran D1 SPANM Bil. 3/2019**;
 - (b) Surat Permohonan dari Jabatan seperti di **Lampiran D2 SPANM Bil. 3/2019**;
 - (c) Surat Permohonan dari Pemohon asal (Individu/Syarikat) seperti di **Lampiran D3 SPANM Bil. 3/2019**;
 - (d) Salinan Kad Pengenalan (Baharu);
 - (e) Salinan Akaun Bank Terkini;
 - (f) Surat Kelulusan daripada Pegawai Pengawal jika amaun melebihi RM1,000.00 hingga RM50,000.00 atau surat kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi amaun yang melebihi RM50,000.00 – AP87(b)(jika berkaitan); dan
 - (g) Dokumen sokongan lain yang berkaitan;

3.3 Bagi Pulangan Balik Hasil (Vot T12):-

- (a) Kementerian/Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan peruntukan adalah mencukupi bagi bayaran Pulang Balik/Rebat/Drawback berasaskan undang-undang di bawah Vot Tanggungan;
- (b) Ketua Jabatan hendaklah mewujudkan prosedur dan kawalan dalaman bagi memastikan Tatacara Pengurusan Pulangan Balik Hasil dilaksanakan dengan tepat dan cepat; dan
- (c) PTJ bertanggungjawab memastikan Arahan Pembayaran yang disediakan disokong dengan dokumen bayaran lengkap.

3.4 Dokumen yang telah lengkap dan mematuhi Senarai Semak bagi **Pulangan Balik Hasil (Vot B11)** seperti di **Lampiran D4 SPANM Bil. 3/2019** dan Senarai Semak bagi **Pulangan Balik Hasil (Vot T12)** seperti di **Lampiran D5 SPANM Bil. 3/2019**;

3.5 Ketua Jabatan hendaklah memastikan kawalan dalaman mencukupi dan berkesan diwujudkan dalam Pengurusan Terimaan bagi mengelakkan berlakunya kes penyelewengan dan ketirisan wang awam.

4. Untuk makluman jua, SPANM Bilangan 3 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan tersebut boleh dimuat turun di portal JANM (www.anm.gov.my) seperti berikut:



Bil.	Pekeliling	Muat Turun
SPANM Bil. 1/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 2019 - Pelaksanaan Naziran oleh Pejabat Perakaunan membatalkan SPANM Bil.9 Tahun 2014 - Pelaksanaan Program Naziran Sistem Perancangan Dan Kawalan Bajet Elektronik (eSPKB)	Muat Turun
SPANM Bil. 2/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 2 Tahun 2019 - Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019	Muat Turun
SPANM Bil. 3/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Terimaan	Muat Turun
SPANM Bil. 4/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 4 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Akaun Deposit	Muat Turun

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai di Unit Akaun JANM Negeri Sarawak di talian 082-524524 sambungan 217/221/228/231/238/239/240/241. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK**